



## **JASMINE KHOO**

### **BENDAHARI YANG CEKAP DAN AMANAH**

*oleh Amy Suzani Mohd. Ainuddin*

MEMEGANG jawatan Bendahari bagi satu pertubuhan atau persatuan mungkin merupakan satu tugas atau tanggungjawab yang biasa. Tetapi apabila apabila seorang wanita yang mengalami masalah cacat penglihatan diberi tanggungjawab serta kepercayaan untuk memegang jawatan bendahari bagi enam pertubuhan dan persatuan, ia merupakan sesuatu yang jarang berlaku.

Tugas dan tanggungjawab seorang bendahari bukan sekadar memegang menyimpan wang malah bendahari juga memegang tanggungjawab yang lebih besar

untuk mentadbir, mengurus dan mengawal kewangan sesebuah pertubuhan. Itulah yang dilakukan oleh Puan Jasmine Khoo, seorang wanita cacat penglihatan yang mampu menjalankan tanggungjawab tersebut dengan cekap serta penuh amanah.

Dilahirkan pada 31hb Mei 1944 di Kuala Lumpur, Jasmine merupakan anak ke empat daripada enam orang adik beradik. Sewaktu dilahirkan, Jasmine disahkan mempunyai *congenital cataract* iaitu suatu keadaan selaput mata secara semulajadi. Tidak cukup dengan itu doktor juga mengesahkan yang mata Jasmine menghadapi masalah yang dipanggil sebagai *pendulant eyes* yang menyebabkan kedudukan bola matanya tidak tetap dan sentiasa bergerak ke kiri dan ke kanan seperti ayunan bandul sebuah jam.

Kelahiran Jasmine yang tidak sempurna itu, diterima oleh keluarganya dengan hati yang pasrah. Biar bagaimana pun keadaan anak perempuan mereka, ayah dan ibu Jasmine tetap menyayangnya sama seperti mereka menyayangi anak-anak yang lain. Kasih sayang mereka terhadap Jasmine tidak pernah berkurangan malah kerana kekurangannya Jasmine dijaga bagaikan menatang minyak yang penuh. Seluruh perhatian diberikan kepada Jasmine dengan harapan anak perempuan mereka itu dapat dewasa dan meneruskan hidup seperti insane-insan lain.

Namun malang terus memburu hidup anak kecil itu. Ketika usianya mencecah tiga tahun, Jasmine diserang penyakit *Polio*. Penyakit tersebut menyebabkan Jasmine tidak dapat berjalan apatah lagi berlari riang seperti kanak-kanak lain yang sebaya

dengannya. Jasmine hanya boleh mengengsot di dalam rumah untuk bergerak. Zaman kanak-kanak yang sepatutnya dilalui dengan penuh keriangian terpaksa ditempuh dalam suasana yang suram ekoran pergerakan yang terbatas.

Namun Jasmine masih bernasib baik kerana mempunyai keluarga yang sangat mengambil berat dan menyayangi dirinya. Beliau telah dibawa untuk menjalani rawatan oleh ayahnya dan melalui satu pembedahan, Jasmine sudah boleh berjalan semula. Ketika itu usianya sudah mencecah hampir sepuluh tahun.

Ekoran kecacatan yang dialaminya, Jasmine tidak dihantar ke sekolah oleh keluarganya. Beliau diajar membaca dan menulis oleh kakak dan abangnya di rumah. Hanya setelah beliau pulih daripada penyakit Polio dan boleh berjalan seperti biasa, barulah ayahnya menghantar beliau untuk bersekolah di sebuah sekolah swasta di Kuala Lumpur.

Mengimbas kembali zaman persekolahannya Jasmine masih ingat bagaimana beliau selalu diejek oleh kawan-kawannya. Namun itu tidak pula melemahkan semangatnya untuk belajar. Ayahnya pula sangat mengambil berat dan sangat prihatin terhadap keselamatan Jasmine. Setiap hari beliau akan dihantar dan dijemput pulang dari sekolah oleh ayahnya. Jasmine tidak dibenarkan menaiki bas atau kenderaan awam yang lain.

Menurut Jasmine, pernah pada satu masa sewaktu sesi persekolahan berakhir, ayahnya terlupa untuk menjemputnya pulang. Beliau mula merasa takut. Untuk pulang menaiki bas atau teksi beliau tidak biasa. Bagaimanapun Jasmine dapat mengecam jalan pulang ke rumahnya. Lalu sambil menangis, beliau membuat keputusan untuk berjalan pulang. Mujurlah perjalanan yang agak jauh itu selamat. Itulah antara pengalaman zaman persekolahan yang tidak dapat dilupakannya.

Ketika usianya menjangkau 18 tahun, Jasmine sekali lagi menjalani pembedahan di bahagian kakinya. Pembedahan ini menyebabkan beliau tidak boleh bergerak aktif selama setahun berikutnya. Sekali lagi dunianya bagaikan terpenjara di dalam rumah. Namun tekad dan keazaman untuk memperbaiki diri tidak pernah luntur. Setelah kakinya agak pulih, Jasmine menyambung pelajarannya di sebuah kolej swasta yang terletak di Kuala Lumpur. Beliau mengikuti kursus simpankira hingga berjaya memperolehi sijil daripada kolej berkenaan.

Sepanjang tempoh belajar itu Jasmine acap kali terjatuh terutamanya sewaktu naik atau turun tangga. Keadaan kakinya yang tidak begitu kuat menjadi punca. Pernah pada satu masa beliau terjatuh hingga menyebabkan kaki kanannya patah dan terpaksa dirawat. Itulah antara cabaran yang terpaksa ditempuhnya. Dalam masa yang sama keadaan penglihatan Jasmine semakin buruk. Ini menyebabkan dalam tahun 1974 Jasmine didaftarkan sebagai orang buta dan mula menggunakan tongkat untuk membantu pergerakannya ke sana sini.

Kursus simpankira yang diikuti Jasmine ternyata tidak membawanya ke mana-mana pada waktu itu. Walaupun beliau sangat berminat dalam bidang perakaunan dan ingin sekali mempraktikkan ilmu yang telah dipelajarinya, namun beliau gagal mendapat sebarang pekerjaan yang berkaitan dengan bidang tersebut. Keadaan ini memaksa Jasmine untuk belajar dalam bidang lain yang dirasakannya boleh memberikan pekerjaan setelah tamat belajar. Untuk tujuan itu Jasmine sekali lagi telah memasuki sebuah kolej swasta yang terletak di Batu Road, Kuala Lumpur. Kali ini beliau mengikuti kursus telefoni hingga berjaya mendapat sijil.

Nasib menyebelahi Jasmine kerana setelah menamatkan kursus telefoni tersebut, beliau terus mendapat tawaran kerja sebagai operator telefon di sebuah syarikat swasta. Kepercayaan yang diterimanya itu tidak dipersiapkan. Jasmine bekerja dengan bersungguh-sungguh dan menjalankan tugas yang diberi dengan baik. Ini menyebabkan beliau kekal menjadi operator di syarikat tersebut selama hampir 15 tahun.

Kata pepatah Melayu, *`tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu'*. Barangkali itulah perumpamaan yang tepat buat Jasmine. Setelah 15 tahun menjadi operator, beliau akhirnya mendapat peluang bekerja dalam bidang perakaunan yang sangat diminatinya apabila beliau telah ditukarkan ke bahagian akaun. Kesempatan tersebut digunakan dengan sebaik mungkin oleh Jasmine. Meskipun pada peringkat awal agak sukar untuk mendapatkan kepercayaan majikan serta pekerja-pekerja lain tentang kemampuannya bekerja, namun berkat ketekunan, Jasmine akhirnya berjaya juga membuktikan kebolehannya.

Kesempatan bekerja di bahagian akaun akhirnya telah membawa Jasmine lebih jauh ke depan. Hari ini Jasmine merupakan Bendahari Kehormat bagi *Society for The Blind Malaysia* (SBM) . Beliau telah memegang jawatan tersebut semenjak tahun 1976 lagi. Disamping itu beliau juga menjadi bendahari bagi Gereja *Saint Mary Cathedral* semenjak tahun 1996. Jasmine juga turut memegang jawatan Bendahari untuk *Malaysia Confederation of Disable* (MCD) bermula dari tahun 2001.

Tidak cukup dengan itu Jasmine turut mendapat kepercayaan memegang jawatan yang sama untuk *World Blind Union Asia Pacific* (WBUAP) semenjak tahun 2003. Jawatan bendahari juga diberikan kepadanya dalam Diocesan *Women's Community* semenjak tahun 1997.

Begitulah hebatnya wanita kurang upaya ini. Memegang satu jawatan bendahari saja sudah cukup melelahkan bagi sesetengah orang. Inikan pula kalau memegang lebih daripada satu jawatan bendahari dalam masa yang serentak. Jasmine sendiri mengakui bahawa sesekali dia memang merasa sangat letih dan tertekan dalam menjalankan tugas-tugasnya. Namun demi tidak menghampakan amanah dan kepercayaan yang telah letakkan di bahunya, Jasmine terus melakukan tugasnya dengan cekap dan penuh dedikasi.

Pada 14 November 2003, Jasmine telah terpilih sebagai pengerusi dalam forum wanita WBUAP yang diadakan di Hotel Merchant Court, Singapura. Forum tersebut

telah disertai oleh 45 peserta dari 10 negara Asia Pasifik dan mengambil tema '*Blind Women Leading the Way*'. Di hujung forum satu pemilihan telah dibuat dan Jasmine telah terpilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Wanita WBUAP. Pemilihan yang membuktikan ketokohan beliau dalam menjalankan tugas yang diberikan kepadanya. Jasmine Khoo pernah menerima anugerah pertama bagi individu cemerlang daripada SBM dalam tahun 2002.

Menyentuh soal keluarga dan rumah tangga Jasmine telah pun mendirikan rumahtangga dalam tahun 1976. Suaminya adalah seorang ahli muzik bernama Philip Yu yang juga cacat penglihatan. Mengimbas kenangan manis pertama kali bertemu dengan suami tercinta, Jasmine menceritakan bagaimana Philip tertarik padanya apabila mendengar suaranya. Pada mulanya Jasmine enggan menerima Philip dan sering mengelakkan diri. Namun kesungguhan Philip untuk mendekatinya dan seterusnya melamarnya sebagai isteri membuatkan Jasmine menerima lelaki tersebut dengan hati yang ikhlas.

Perkahwinan bahagianya bersama Philip telah dikurniakan dengan seorang anak perempuan bernama Joyce Yu. Kini anak perempuan tersebut telah mencecah usia dewasa dan sedang menuntut di sebuah kolej dalam bidang Pengurusan Perniagaan. Sebelum melahirkan Joyce, Jasmine pernah melalui pengalaman di mana kandungannya mengalami keguguran. Pengalaman tersebut sangat menakutkan Jasmine dan hampir-hampir membuat dia tidak mahu mengandung lagi.

Namun semangat yang diberikan oleh kawan-kawan dan keluarga membuat Jasmine menguatkan tekad dan semangatnya. Jasmine bersyukur kerana akhirnya dia berjaya mendewasakan anak perempuannya itu dengan sempurna. Menurut Jasmine beliau tidak menghadapi banyak masalah dalam menguruskan rumahtangga serta mendewasakan anaknya. Ini kerana ibu tersayang sentiasa ada bersamanya untuk membantu.

Cabaran yang Jasmine rasakan paling besar pernah dia lalui dalam mendewasakan Joyce ialah ketika Joyce mencecah usia remaja. Joyce yang dilahirkan sempurna tanpa sebarang kecacatan tiba-tiba bersikap seolah-olah dia malu untuk bersama ayahnya yang buta sepenuhnya. Sebagai ibu Jasmine menangani masalah tersebut dengan bijak dan menggunakan pendekatan psikologi. Beliau banyak meminta nasihat teman-temannya. Jasmine cuba memahami pergolakan jiwa anak remajanya dan yakin bahawa sikap tersebut tidak akan kekal. Ternyata keyakinannya tepat. Joyce kini tidak lagi menunjukkan rasa malu atau segan untuk bersama-sama ayah atau ibunya yang cacat. Malahan Joyce banyak membantu mereka.

Satu lagi kenangan manis yang sukar dilupakan oleh Jasmine ialah kesempatan untuk bersalaman dan berbual mesra dengan Ratu Elizabeth II sewaktu ratu tersebut melawat Kuala Lumpur sempena penutupan rasmi sukan Komanwel kali ke 16. Jasmine yang ketika itu mengetuai rombongan orang-orang buta di Gereja Saint Mary, merasakan kesempatan bersalaman dengan ratu tersebut sesuatu yang cukup bermakna.



Jasmine memang bergiat aktif di Gereja Saint Mary. Gereja tersebut mempunyai lebih kurang 12 orang ahli yang mengalami masalah penglihatan dan Jasmine merupakan ketuanya. Menurut Jasmine beliau percaya bahawa penglibatan orang-orang kurang upaya dalam bidang keagamaan adalah sangat penting. Ini kerana penglibatan tersebut akan membawa kepada jiwa, semangat serta minda yang lebih baik di samping tubuh badan yang lebih cergas.

Ditanya apakah perancangan dan harapan masa depannya, Jasmine berkata beliau ingin sekali berehat dari tugas-tugasnya yang berat sekarang. Beliau ingin bercuti ke Amerika di mana salah seorang kakaknya tinggal. Usia yang semakin merangkak senja semakin membuatkan beliau keletihan. Namun masa belum mengizinkan beliau untuk melaksanakan impiannya itu.

Jasmine Khoo adalah contoh wanita cacat penglihatan yang gigih dan berjiwa besar. Kemampuannya menjalankan tugas dengan cekap dan amanah di sebalik kecacatan yang dialaminya, meletakkan Jasmine sebagai wanita unggul dikalangan golongan cacat penglihatan. Bukan calang-calang orang boleh berada di tempat wanita ini. Tidak keterlaluan kalau dikatakan seorang yang sempurna fizikalnya pun belum tentu boleh menjalankan tugas sebagaimana yang dijalankan oleh Jasmine.

Kini dalam usianya yang mencecah 60 tahun, Jasmine masih bergiat aktif dengan apa yang dilakukannya. Kesibukan sehari-hari menjadi perkara biasa kepadanya. Tidak ada yang mustahil jika semangat sudah kukuh menunjangi hati. Kecacatan sama sekali

bukan penghalang kepada seseorang untuk dapat menjalankan tugas dengan sempurna malah lebih jauh lagi dengan cemerlang sebagaimana yang dibuktikan oleh Jasmine Khoo.